

Pelatih PLKN adakan program khidmat sosial di SMK Tenghilan



TAKLIMAT ... seorang guru SMK Tenghilan Ismail Salleh (kiri), sedang memberi taklimat kepada pelatih

TENGHILAN (Tamparuli): Kirakira 120 belia terdiri daripada Pelatih Program Khidmat Negara (PLKN) mengadakan gotong royong di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tenghilan, kelmarin sebagai sebahagian daripada aktiviti khidmat sosial mereka.

Pelatih-pelatih terbabit diiringi oleh dua jurulatih PLKN untuk Universiti Malaysia Sabah (UMS) Nelly Mosorod dan Azizah Rosleh.

Menurut Nelly, semua yang terlibat merupakan sebahagian daripada 954 pelatih siri kedua di UMS yang pada masa ini sedang menjalani program khidmat komuniti.

Selepas ini, pelatih-pelatih berkenaan akan menjalani program Pembinaan Karektor, sebelum menamatkan latihan Jun depan, jelasnya.

Katanya lagi, mereka merupakan pelatih-pelatih yang sebelum ditempatkan di dua kem PLKN, Tanaki, Tambunan dan Kem Wawasan, Papar.

Pada aktiviti itu kelmarin, selain bergotong royong, pelatih-



JURULATIH PLKN UMS, Nelly dan Azizah.

pelatih PLKN itu juga diberi taklimat menerusi tayangan LCD mengenai SMK Tenghilan, dan berpeluang menyaksikan persem-

bahan lagu-lagu instrumental menggunakan alat-alat muzik tradisional oleh kumpulan Orkestra Bambu sekolah. - *Oleh Raphiel Pinus*